

BULETIN PUSAT SUKAN UNIVERSITI

EDISI 01 : JANUARI & FEBRUARI 2023

MESYUARAT KELAB STAF PUSAT SUKAN UNIVERSITI BIL 1/2023

Telah diadakan Mesyuarat Kelab Staf Pusat Sukan Universiti Bil 1/2023 bertempat di Bilik Mesyuarat Pusat Sukan Universiti. Mesyuarat ini bertujuan untuk memilih ahli jawatankuasa tertinggi yang baharu.

Setelah itu, turut diadakan Mesyuarat Bersama Staf Pusat Sukan Bil 1/2023 dan Majlis Perpisahan Pelajar Latihan Industri yang telah menjalani praktikal di Pusat Sukan Universiti selama 3 bulan bermula 17 Oktober 2022 hingga 5 Januari 2023.

3 Januari 2023



ATLET FUTSAL UTHM MENERIMA TAJAJAN DARIPADA FIGOS MALAYSIA

Tahniah diucapkan kepada Muhammad Arif Roslan yang mendapat tajaan peribadi barangan sukan daripada Figos Malaysia dengan kontrak selama setahun. Saudara Arif akan beraksi di Malaysia Premier Futsal League (MPFL) mewakili pasukan KPT-PST Mustangs dan Pasukan Futsal UTHM di Liga Super Futsal IPT 2023.

7 Januari 2023

PASUKAN KABBADI UTHM PEROLEH KEJAYAAN DI UNIVERSITI MALAYA

Tahniah diucapkan kepada Pasukan Kabbadi Lelaki UTHM kerana telah berjaya dinobatkan sebagai Johan di Kejohanan Kabbadi Bersempena Sport Week yang bertempat di Universiti Malaya pada 8 Januari 2023. Selain itu, Pasukan Kabaddi UTHM juga telah dinobatkan sebagai Juara Keseluruhan dan telah mendapat Anugerah Pemain Terbaik Kejohanan (Navin A/L Kannan) dan (Muralitaran a/l Suresh) Pertahanan Terbaik.

9 Januari 2023



TAYANGAN SIARAN LANGSUNG SEPARUH AKHIR 2 PIALA AFF MITSUBISHI ELECTRIC 2022

Telah berlangsung tayangan siaran langsung sempena Perlawanan Separuh Akhir Piala AFF Mitsubishi Electric 2022 antara Thailand dan Malaysia di foyer Kolej Kediaman Tun Dr Ismail (KKTDI) anjuran Pusat Sukan Universiti dengan kerjasama Kolej Kediaman Dalam Kampus. Program ini turut dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof. Sr. Ts. Dr. Hj. Lokman Hakim bin Hj. Ismail dan Pengarah Pusat Sukan Universiti, Encik Azli bin Puddin. Sambutan yang memberangsangkan ditunjukkan daripada pelajar UTHM yang turut hadir untuk memberikan semangat dan sokongan kepada pasukan bola sepak Malaysia.

11 Januari 2023



PASUKAN KABBADI UTHM TERUS GAH MENCIPTA KEMENANGAN

Tahniah diucapkan kepada Pasukan Kabbadi Lelaki UTHM kerana telah berjaya dinobatkan sebagai Johan manakala Pasukan Kabbadi Wanita UTHM dinobatkan sebagai Naib Johan di Kejohanan Kabbadi Bersempena Indian Culture Fiesta 2.0 yang bertempat di Universiti Kebangsaan Malaysia pada 14 Januari 2023.

Sebanyak 10 pasukan kabaddi lelaki dan 5 pasukan kabaddi wanita yang terdiri daripada Universiti Awam dan Swasta telah menyertai kejohanan ini.

14 Januari 2023

STAF DAN ATLET UTHM TERPILIH MEWAKILI PASUKAN KPT-PST MUSTANGS KE MPFL 2023

Seorang staf dan seorang atlet UTHM telah berjaya mewakili Pasukan KPT-PST Mustangs ke Malaysian Premier Futsal League (MPFL) yang dijadual berlangsung Februari hingga Oktober 2023. Staf Pusat Sukan Universiti, En. Khairul Amir bin Hamzah telah dipilih menjadi Jurulatih Kecergasan Pasukan manakala Muhamad Arif bin Roslan dipilih sebagai pemain. Majlis menandatangani kontrak telah disaksikan oleh Dato' Dr. Pekan bin Ramli, Timbalan Setiausaha Bahagian Seksyen Sukan, Bahagian Perancangan Strategik, Kementerian Pendidikan Tinggi yang berlangsung di Lexis Hotel, Port Dickson. Mereka akan berangkat ke Songkla, Thailand untuk menjalani persiapan pra musim dan perlawanan persahabatan bersama Thailand.

16 Januari 2023



SESI KELAYAKAN KE WORLD ROWING INDOOR CHAMPIONSHIPS (WRICH) 2023

Telah berlangsung sesi kelayakan atlet mendayung UTHM ke World Rowing Indoor Championships (WRICH) 2023 anjuran World Rowing dengan kerjasama Concept2. Kelayakan ini telah dilakukan secara hibrid bertempat di Stadium UTHM langsung dari Toronto, Kanada. Seramai 8 orang atlet mendayung UTHM terlibat dalam sesi kelayakan ini yang diwakili oleh:

1. Nurzarinah binti Zakaria (Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat)
2. Nur Afiqah Zamia binti Sumeri (Fakulti Pendidikan Teknikal & Vokasional)
3. Mohd Arif Ashraf bin Mohd Rusok (Fakulti Pengurusan & Perniagaan)
4. Muhammad Nur Iman bin Muhammad Yusof (Fakulti Teknologi Kejuruteraan)
5. Mohammad Amirul bin Norhadi (Fakulti Teknologi Kejuruteraan)
6. Mohamad Alimin bin Mohd Pauzi (Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik)
7. Leroy Yip Wai Lun (Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan)
8. Muhamad Hafizul bin A. Karim (Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan)

25 Januari 2023



BENGGEL PERANCANGAN STRATEGIK PUSAT SUKAN UNIVERSITI 2023

Telah diadakan Bengkel Perancangan Strategik Pusat Universiti 2023 bertempat di Bilik Lestari 2, Perpustakaan Tunku Tun Aminah. Bengkel ini dihadiri oleh wakil-wakil dari PTj dan staf Pusat Sukan Universiti. Bengkel ini telah berlangsung selama 2 hari untuk membantu Pusat Sukan Universiti dalam merangka Garis Panduan dan Pelan Tindakan bahagian masing masing. Diucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang telah menghadiri bengkel ini.

30 & 31 Januari 2023

ATLET UTHM TERPILIH KE KEM PEMILIHAN PASUKAN KANU KEBANGSAAN

Atlet Prestasi Tinggi UTHM, Mirza Adli, pelajar Tahun Dua Pusat Pengajian Diploma (PPD) telah berjaya terpilih ke Kem Pemilihan Pasukan Kenu Kebangsaan untuk menghadapi Sukan SEA Kemboja 2023. Kem ini berlangsung dari Februari sehingga Mei di Marina Johor Bahru. Tahniah dan semoga berjaya diucapkan.

1 Februari 2023



SESI LAWATAN KE STADIUM SULTAN IBRAHIM

Telah diadakan satu sesi lawatan ke Stadium Sultan Ibrahim untuk membincangkan berkaitan strategik korporat UTHM bersama pihak komersial JDT. Pusat Sukan Universiti merupakan PTj yang bertanggungjawab membangunkan sukan bola sepak dan futsal para pelajar UTHM. Perbincangan lanjut akan diadakan sekali lagi selepas selesai program Konvoi 30 Tahun UTHM Prihatin pada 16 Februari 2023.

1 Februari 2023



ATLET MENDAYUNG UTHM LAYAK KE WORLD ROWING INDOOR CHAMPIONSHIP (WRICH) 2023

Tahniah diucapkan kepada 6 orang atlet mendayung UTHM kerana layak untuk menyertai World Rowing Indoor Championship (WRICH) 2023. Seramai 8 orang atlet mendayung UTHM telah menyertai sesi kelayakan bagi peringkat Asia pada 25 Januari 2023 yang lepas. Berdasarkan keputusan akhir pada 1 Februari 2023, 6 orang daripadanya telah mendapat kedudukan 3 teratas di peringkat Asia bagi acara masing-masing. Berikut adalah senarai atlet yang layak ke WRICH 2023. Tahniah dan selamat maju jaya diucapkan.

1. Mohd Arif Ashraf bin Mohd Rusok (Fakulti Perniagaan & Teknologi Pengurusan)
2. Mohamad Alimin bin Mohd Pauzi (Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik)
3. Mohammad Amirul bin Norhadi (Fakulti Teknologi Kejuruteraan)
4. Leroy Yip Wai Lun (Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan)
5. Nurzarinah binti Zakaria (Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat)
6. Nur Afiqah Zamia binti Sumeri (Fakulti Pendidikan Teknikal & Vokasional)

2 Februari 2023




MAJLIS PENGENALAN PASUKAN IPT KE KEJOHANAN KEBANGSAAN & PENYERAHAN BUKU DAN MANUAL TERBITAN SEKSYEN SUKAN

Telah berlangsung Majlis Pengenalan Pasukan IPT ke Kejohanan Kebangsaan & Penyerahan Buku dan Manual Terbitan Seksyen Sukan yang dirasmikan oleh YBhg. Dato' Dr. Haji Megat Sany Megat Ahmad Supian, TKSU (Dasar) KPT.

Sebanyak empat Pasukan IPT Malaysia akan menyertai kejohanan peringkat kebangsaan pada musim 2023. KPT-PST Mustangs akan menyertai Malaysia Premier Futsal League (MPFL) dan KPT Masum Knight akan menyertai Sepak Takraw League (STL). Manakala, Uniten PKS akan bersaing dalam Liga Hoki Wanita Kebangsaan dan Malaysia Universiti Football Team (MUFT) akan menyertai Liga Bolasepak M3.

UTHM turut diwakili oleh atlet pelajar iaitu, Saudara Muhamad Arif Roslan (pemain) dan En Khairul Amir Hamzah (Jurulatih Kecergasan Pasukan) dalam Pasukan KPT-PST Mustangs. Semoga berjaya.

3 Februari 2023



ATLET UTHM JALANI KURSUS SAINS SUKAN TAHAP 1

6 orang atlet prestasi tinggi UTHM menyertai Kursus Sains Sukan Tahap 1 anjuran Akademi Kejurulatihan Kebangsaan Institut Sukan Negara (ISN). Kursus berlangsung dari 7 hingga 11 Februari 2023 bertempat di Universiti Nottingham Malaysia. Kursus ini bertujuan memberi pengetahuan Sains Sukan yang terkini serta diiktiraf badan sukan untuk melahirkan atlet/jurulatih yang kompeten dan unggul.

7 Februari 2023

KEJOHANAN SUKAN ANTARA PUSAT SUKAN UNIVERSITI AWAM (SUPSAT) 2023

13 orang staf Pusat Sukan Universiti akan berangkat ke Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) sempena kejohanan Sukan Antara Pusat Sukan Universiti Awam (SUPSAT) 2023. Kejohanan ini akan berlangsung dari 9 hingga 12 Februari 2023 yang bertempat di UNIMAP, Perlis. Staf Pusat Sukan Universiti akan bertanding dalam acara Bola Tampar Campuran, Sepakan Penalti, Larian (50m x 8) dan Memancing bersama sama dengan 20 Universiti Awam yang lain. Kejohanan ini bertujuan untuk merapatkan ukhuwah dan silaturrahim antara staf Pusat Sukan Universiti Awam. Didoakan keselamatan dan kesejahteraan staf supaya selamat pergi dan pulang.

9 Februari 2023



JAWATAN KOSONG JURULATIH SUKAN SAMBILAN BAGI PELAJAR (KAMPUS PARIT) 2023

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah mengiklankan kekosongan Jawatan Jurulatih Sukan Sambilan yang bersemangat dan berbakat untuk menyertai pasukan sukan kami. Jawatan ini menawarkan peluang untuk mengasah bakat sukan anda, mengembangkan kemahiran kepimpinan dan memberikan pengalaman yang berharga dalam bidang sukan.

Sebanyak 16 sukan yang memerlukan khidmat jurulatih telah ditawarkan iaitu Bola Tampar Lelaki, Bola Keranjang Lelaki, Bola Sepak, Silat Seni, Memanah, Bola Tampar Wanita, Bola Keranjang Wanita, Bola Baling Wanita, Bola Baling Lelaki, Mendaki, Kayak Lelaki, Kayak Wanita, Taekwondo, Ragbi, Berbasikal dan Renang

13 Februari 2023

PUSAT SUKAN UNIVERSITI
JAWATAN KOSONG
JURULATIH SUKAN SAMBILAN BAGI PELAJAR
(KAMPUS PARIT RAJA) 2023

SENARAI SUKAN YANG MEMERLUKAN KHIDMAT JURULATIH SAMBILAN SUKAN PELAJAR

BERMINAT SERTAI KAMI

TARIKH TUTUP : 19 FEBRUARI 2023 (AHAD)

07 - 4537490/7439
dfatimah@uthm.edu.my
PUSAT SUKAN UNIVERSITI
www.uthm.edu.my



PERHIMPUNAN KECERGASAN UTHM 2023

Perhimpunan Kecergasan UTHM kembali lagi dengan penuh semangat dan motivasi! Acara ini telah berlangsung pada tarikh 14 Feb 2023 di Padang KAwad UTHM dan telah menarik perhatian ramai staf universiti.

Acara ini dirancang untuk memberikan peluang kepada peserta untuk menjalani kehidupan yang sihat dan cerdas serta memupuk semangat persaudaraan dan keberhasilan di antara peserta.

14 Februari 2023

WORLD ROWING INDOOR CHAMPIONSHIPS (WRICH) 2023

Telah berlangsung Kejohanan World Rowing Indoor Championships (WRICH) 2023. Seramai 7 orang atlet mendayung UTHM mewakili Malaysia dan 4 orang daripadanya telah mendapat kedudukan 10 terbaik dunia bagi kategori masing - masing. Tahniah diucapkan kepada semua atlet mendayung UTHM.

1. Nurzarinah Zakaria

- Masa : 01:44.8 (23 - 39 Lightweight Women 500m)
- Kedudukan : No. 9
- Masa : 07:59.1 (23 - 39 Lightweight Women 2000m)
- Kedudukan : No. 13



2. Mohd Arif Ashraf Mohd Rusok

- Masa : 01:31.9 (23 - 39 Lightweight Men 500m)

- Kedudukan : No. 10

3. Mohamad Alimin Mohd Pauzi

- Masa : 07:23.7 (21 - 22 Lightweight Men 2000m)

- Kedudukan : No. 7

4. Mohamad Amirul Norhadi

- Masa : 06:53.5 (21 - 22 Men 500m)

- Kedudukan : No. 8

5. Muhammad Nur Iman Mohamad Yusof

- Masa : 07:15.6 (21 - 22 Men 500m)

- Kedudukan : No. 13

6. Leroy Yip Wai Lun Yip

- Masa : 07:16.9 (19 - 20 Men 500m)

- Kedudukan : No. 17

7. Nur Afiqah Zamia Sumeri

- Masa : 08:34.7 (23 - 39 Lightweight Women 2000m)

- Kedudukan : No. 16

27 Februari 2023





Diterbitkan oleh :

**BAHAGIAN PENGURUSAN STRATEGIK & KORPORAT
PUSAT SUKAN UNIVERSITI
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

86400, Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia.

Tel.: 07 - 4537479

Fax: 07 - 4536581